

7 kematian kelmarin

Kuala Lumpur: Seramai 1,176,530 atau 33.1 peratus kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di negara ini sudah lengkap divaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids), setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman sesawang Covid-now, sejumlah 1,727,791 atau 48.6 peratus daripada kumpulan itu sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sebanyak 2,914,167 atau 93.7 peratus sudah lengkap divaksin, manakala 3,010,754 atau 96.8

peratus daripada kumpulan itu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Dalam pada itu, sejumlah 16,098,582 atau 68.4 peratus orang dewasa di negara ini sudah menerima suntikan dos penggalak, 22,974,695 atau 97.6 peratus lengkap dua dos suntikan vaksin dan 23,251,418 atau 98.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, Portal Github Kementerian Kesihatan melaporkan tujuh kematian akibat Covid-19 pada kelmarin dengan dua kes di Kedah dan Selangor serta masing-masing satu kes di Kuala Lumpur, Johor dan Terengganu.